

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

TARIKH : 23.11.2015

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian jelas Kementerian berhubung dengan sekolah-sekolah vernakular di negara kita. Itu adalah kerana pelbagai pihak membangkitkan isu berbaur perkauman berhubung dengan sekolah-sekolah vernakular yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah vernakular merujuk kepada sekolah jenis kebangsaan (SJK) yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar utama dan mengajar bahasa Kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJK merupakan institusi pendidikan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 16, Akta Pendidikan 1996 yang melaksanakan kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang ditetapkan oleh KPM. Penggunaan bahasa ibunda di sekolah jenis kebangsaan hanya berlaku di peringkat pendidikan rendah sahaja dan sekolah tersebut mesti mengajar mata pelajaran bahasa kebangsaan sebagai

mata pelajaran wajib bagi memastikan penguasaan murid dalam bahasa kebangsaan di sekolah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih mengekalkan sekolah vernakular sebagai institusi pendidikan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan selaras dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996.

RJM51